

04 FEB 1999

Asean-Kemboja

DR MAHATHIR GEMBIRA DENGAN PERKEMBANGAN DI KEMBOJA

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan kegembiraannya yang Kemboja kini mempunyai kerajaan yang stabil dan bersatu dan sedang menuju ke arah perdamaian nasional.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Dr Mahathir juga berharap Kemboja akan menubuhkan sebuah Senat untuk membolehkan negara Indochina itu menyertai Asean secara rasmi.

Dr Mahathir menyatakan perkara itu pada pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya dari Kemboja Hun Sen yang tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari.

Ketika memberi taklimat kepada wartawan mengenai pertemuan itu, Syed Hamid berkata Hun Sen memberitahu Dr Mahathir bahawa beliau sedang bergerak ke arah itu mengikut proses dan kaedah negaranya untuk mencapai hasrat menganggotai ASEAN.

Syed Hamid berkata terserahlah kepada pihak Kemboja untuk memberitahu para Menteri Luar Asean apabila mereka sudah menubuhkan Senat nanti.

"Sebaik sahaja kita diberitahu mengenai penubuhan senat itu, saya rasa menteri luar Asean akan bermesyuarat untuk menandatangani perjanjian mengenai penyertaan negara itu secara rasmi.

"Kita tidak menetapkan tarikh tertentu mengenai perkara itu," katanya.

Pada persidangan kemuncak keenam Asean di Hanoi pada Disember lepas, para pemimpin Asean telah bersetuju pada dasarnya untuk menerima Kemboja sebagai anggota ke-10 pertubuhan itu dan meminta menteri luar mereka supaya mengatur upacara khas bagi menerima Kemboja pada satu masa yang sesuai tidak lama lagi.

Keputusan juga dibuat supaya upacara yang dicadangkan itu diadakan di ibu negara Vietnam itu.

Sesetengah negara anggota Asean berpendapat syarat bagi penubuhan kerajaan campuran yang baru di Kemboja perlu dilaksanakan sepenuhnya sebelum negara itu boleh menjadi anggota Asean dan ini termasuk penubuhan sebuah senat.

Anggota Asean kini terdiri daripada Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Rundingan selama dua jam itu juga menyentuh langkah-langkah untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala antara Phnom Penh dan Kuala Lumpur.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir berjanji bahawa Malaysia akan mengkaji permintaan Kemboja untuk mendapatkan kemudahan latihan dalam pelbagai bidang termasuk industri, dasar luar, minyak dan gas serta pertanian.

Kemboja juga meminta bantuan Malaysia untuk mengadakan sumber bekalan air termasuk pembinaan empangan dan kawasan tadahan air serta kemudahan kredit dalam bidang-bidang itu.

Syed Hamid berkata Kemboja juga ingin melihat penyertaan Malaysia dalam projek-projek pembangunan luar bandarnya.

Beliau berkata Malaysia bersetuju untuk mengkaji kemungkinan mengimport jagung, beras, kacang soya dan lembu pada musim-musim tertentu dari Kemboja.

Menyifatkan perbincangan itu sebagai "amat produktif", beliau berkata Malaysia akan terus menyediakan sokongan yang diperlukan untuk Kemboja dalam pelbagai bidang.

Syed Hamid berkata Malaysia akan mengekalkan kedudukannya sebagai pelabur asing terbesar di Kemboja walaupun ia (Malaysia) mengalami beberapa

masalah disebabkan kegawatan ekonomi di rantau ini.

Pelaburannya di Kemboja sehingga Disember lepas berjumlah RM1.7 bilion atau 31 peratus daripada jumlah pelaburan terus asing di Kemboja.

Pelaburan Malaysia adalah dalam pembangunan infrastruktur, janakuasa elektrik, perbankan, pembangunan hartanah, penapisan minyak dan pengeluaran, pendidikan dan telekomunikasi.

Syed Hamid berkata persetujuan Jepun bekerjasama dengan Malaysia dengan menyediakan bantuan bagi membantu negara seperti Kemboja, turut disebut pada pertemuan itu.

"Malaysia berminat meningkatkan hubungan dengan Kemboja. Dan dengan kenyataan terbaru Hun Sen bahawa kestabilan sedang meningkat di negaranya serta sudah berlaku proses integrasi nasional, kita yakin bahawa pembangunan boleh memberi manfaat kepada Kemboja," katanya.

Dr Mahathir dan Hun Sen turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian perdagangan bagi meningkat dan menambah perdagangan, ekonomi dan hubungan industri antara kedua-dua negara yang berlangsung di akhir mesyuarat dua hala itu.

-- BERNAMA

MAM/AD NMO LAT